

25 SEP 1999

IPF

IPF IKHLAS NAK BANTU BN, KATA ABU HASSAN

PETALING JAYA, 25 Sept (Bernama) -- Jentera pilihan raya Barisan Nasional di semua bahagian di Selangor akan diminta menjemput dan menerima bantuan anggota dan penyokong parti Barisan Progresif India Malaysia (IPF) dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar selaku Pengerusi BN Selangor, berkata IPF nampaknya begitu ikhlas dan jujur untuk membantu BN memenangi dan mempertahankan pucuk kepimpinan negara dalam pilihan raya umum akan datang.

BN memerlukan kerjasama semua golongan yang bukan komponen BN seperti IPF untuk membantunya memenangi pilihan raya umum akan datang, katanya ketika merasmikan Perhimpunan Khas IPF Selangor di sini.

Abu Hassan berkata IPF pernah menghulurkan bantuan dengan berkempen untuk BN semasa beliau bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan Permatang pada 1997 sebelum dilantik Menteri Besar menggantikan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Di Selangor terdapat 1.2 juta pengundi dan daripada jumlah itu 500,000 adalah di kalangan ahli parti komponen BN.

"Oleh itu selain usaha BN sendiri, ia memerlukan bantuan golongan dari luar parti seperti IPF untuk sama-sama memainkan peranan menarik pengundi selebihnya untuk menyokong BN," katanya.

Abu Hassan berkata sokongan IPF turut diperlukan kerana mereka mempunyai pengaruh terhadap pengundi khususnya berketurunan India yang menetap di kawasan ladang dan estet.

Katanya, walaupun permohonan IPF untuk menjadi ahli BN belum diterima, namun parti itu harus bersabar.

"Yang paling wajar dilakukan oleh ahli IPF ialah berusaha sebaiknya dan bekerjasama melaksanakan tugas yang diutamakan sekarang iaitu membantu BN memenangi pilihan raya umum bagi membuktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia tetap bersatu menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Abu Hassan berkata walaupun IPF belum menjadi anggota BN, parti itu telah diberi pengiktirafan oleh pucuk pimpinan parti dengan melantik presiden IPF, M.G. Pandithan sebagai anggota Dewan Negara sebelum ini.

--BERNAMA

ARA MAI